

Masjid, surau dibuka selepas lebih ramai divaksin

UM - 21/7/2021 mlb 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulla.com.my


PETALING JAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, masjid dan surau akan dibuka kepada semua jemaah seperti biasa apabila lebih ramai menerima vaksin Covid-19.

Perdana Menteri berkata, menunaikan solat di masjid amat ditunggu oleh umat Islam kerana dalam tempoh pandemik jumlah jemaah dihadkan.

“Insyallah, apabila lebih ramai yang menerima vaksin dan keadaan bertambah baik, masjid dan surau akan dibuka kepada semua jemaah seperti biasa,” kata Muhyiddin dalam Facebook semalam.

Terdahulu, Muhyiddin memaklumkan beliau dan isteri, Puan Sri Noorainee Abd. Rahman berpeluang menunaikan solat sunat Aidiladha mengikut pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang teratur di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Perdana Menteri tiba di masjid itu pada pukul 8.15 pagi dan kemudian menyertai takbir



TAN Sri Muhyiddin Yassin bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (kanan) selepas menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negara semalam.

raya serta menunaikan solat sunat Aidiladha diimamkan Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd. Hosni.

Beliau sejurus itu bersama para jemaah mendengar khut-

bah Aidiladha bertajuk ‘Cabaran dan Pengorbanan’ yang dibacakan oleh Ehsan.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan umat Islam yang ingin melakukan ibadah

korban agar mematuhi SOP Jabatan Agama Islam dan pihak berkuasa lain.

“Semoga amal ibadah kita diterima oleh Allah,” kata beliau.